



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKOR KELAH DOMPOK RM1K, LOKAL, HM-10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	TANGGUNG RUGI KEBUN TEMBIKAI TENGGELAM BANJIR, DALAM NEGERI, UM-30	LAIN-LAIN
3.	RAMAI SANGAT TANAM TAHUN INI, LOKAL, HM-8	
4.	BERNAS SELESAI SALUR RM90 JUTA, DALAM NEGERI, UM-8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	10



MOHD Elmie bersama isteri, Rosmaria melakukan rutin harian memberi ikan makan ketika ditemui di kediamannya di Kampung Banggol Kapas, Marang.

Marang

PEMANDU LORI JADI PENJUAL IKAN SPESIES EKSTOTIK

Minat mendalam terhadap ikan sungai terutama spesies eksotik mendorong seorang pemuda menjadikan hobinya itu sebagai pendapatan sampingan yang mencecah puluhan ribu ringgit.

Dalam temu bual bersama Bernama, baru-baru ini, Mohd Elmie Fariesa Szali, 37, berkongsi bahawa dia mampu meraih pendapatan lumayan hingga pernah mencecah RM10,000 sebulan, jauh melebihi gaji pekerjaannya sebagai pemandu lori.

Ikan eksotik seperti kelah merah dan kelahompok dari Terengganu, katanya, menerima permintaan tinggi dalam kalangan pengumpul ikan hiasan dan eksotik sehingga dia pernah menjual spesies itu pada harga RM1,000 seekor.

"Terbaharu, saya menjual seekor ikan kelahompok berharga RM1,000. Memang ada yang sanggup beli walau harga mahal kerana ia unik, misalnya kepala ikan berbentuk bulat, atau bahasa pasarnya kita panggil ikan cacat."

"Ikan kelah merah di Terengganu lebih cantik berbanding di tempat lain kerana warna merahnya yang lebih pekat dan terang sehingga berjaya menarik

minat pengumpul ikan," katanya kepada Bernama di rumahnya di Kampung Banggol Kapas di sini, yang menempatkan lebih 500 ikan sungai dan ikan eksotik di dalam beberapa akuarium.

Mohd Elmie Fariesa berkata dia juga memelihara seekor ikan patin abino namun tidak berhasrat untuk menjualnya walaupun mendapat tawaran harga

yang tinggi disebabkan ikan itu merupakan pemberian seorang rakan.

Bapa kepada tiga anak itu berkata sejak menjalankan perniagaan terbit lebih

10 tahun lepas, sehingga kini dia telah menjual lebih 1,000 ekor ikan sungai dan ikan eksotik.

Pelanggannya bukan sahaja terdiri daripada pengumpul dan pemilik kedai ikan di sekitar Terengganu, malah ada yang sanggup datang dari jauh seperti Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan semata-mata untuk membeli ikan eksotik yang unik.

"Menjelang hari raya memang ramai akan mencari ikan eksotik untuk didekorasi perhiasan di

kolam atau akuarium di rumah dan kebanyakan pelanggan mengetahui perniagaan saya melalui laman sosial Facebook, adakalanya saya turut menjual ikan menerusi siaran langsung TikTok."

"Sambutan yang diterima memang menggalakkan," katanya yang menyediakan perkhidmatan penghantaran ikan melalui pos kepada pelanggan dari luar Terengganu.

Berkongsi lebih lanjut, Mohd Elmie Fariesa yang mendapatkan bekalan ikan daripada pemburu ikan

sungai dan kenalan turut dibantu isteri Rosmaria Mas Hassan, 36, yang memberi makan serta menjual ikan sekiranya dia terpaksa bekerja di luar kawasan.

Dia juga mengaku tidak terlepas daripada cabaran sepanjang menjalankan perniagaan ikan eksotik itu, antaranya terpaksa menanggung kerugian sekiranya ikan yang dihantar melalui pos mati.

Berkongsi lebih lanjut, Mohd Elmie Fariesa berkata ikan yang dibeli daripada pemburu ikan sungai tidak boleh terus dijual kerana kebanyakannya perlu dirawat terlebih dahulu.

"Ada ikan yang terputus ekor, badan luka terkena jaring dan warna pudar akibat kekotoran air sungai. Jadi saya perlu ambil masa antara dua hingga tiga bulan untuk merawat menggunakan air garam dan bersihkan setiap ikan terlebih dahulu sehingga keadaan haiwan itu pulih sebelum dijual," katanya.

Seekor kelahompok RM1k



"Ikan kelah merah di Terengganu lebih cantik"
Mohd Elmie

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Tanggung rugi kebun tembikai tenggelam banjir

SETIU: Tiga bersaudara menanggung kerugian modal kira-kira RM15,000 selepas kebun tembikai mereka di Kampung Nyatuh di sini, ditenggelami banjir kilat sejak Rabu lalu.

Mohd Nasirudin Ibrahim, 36, berkata, hujan lebat sejak awal pagi Rabu lalu menyebabkan kebun seluas 2.4 hektar yang diusahakan bersama abangnya, Mohd Azhar, 44, dan iparnya Che Mohd. Ariffin Che Ngah, 25, dilimpahi air sehingga merosakkan hampir 9,000 pokok serta buah tembikai.

"Kami tidak menyangka ditimpa bencana ini kerana cuaca panas berterusan sejak sebulan lalu dan pada Rabu lepas, hujan dalam tempoh kurang 12 jam menyebabkan air memenuhi kawasan kebun.

"Meskipun setelah empat hari berlalu, air masih bertakung menyebabkan pokok dan buah rosak tanpa sempat dituai," katanya ketika ditemui di Kampung Nyatuh, semalam.

Katanya, sepatutnya buah yang ditanam sejak awal Mac lalu boleh dituai dalam tempoh kurang tiga minggu lagi.

Sementara itu, Mohd Azhar berkata, kejadian itu adalah kali kedua selepas bencana banjir besar pada 2022.

"Kebun kami terletak kira-kira 200 ke 300 meter dari Sungai Setiu, lazimnya kawasan kebun ini hanya dilimpahi air pasang tetapi pertembungan dengan hujan lebat menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan baik apabila sistem saluran sedia ada tidak mampu menampung jumlah air yang banyak.

"Dua minggu lalu, kami tiga beradik mengeluarkan modal kira-kira RM650 bagi menyewa jentera berat untuk membersihkan sistem perparitan sedia ada dan membina parit baharu tetapi inisiatif itu tidak berhasil," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	8

HARGA TEMBikai JATUH SERENDAH 80 SEN SEKILOGRAM

Ramai sangat tanam tahun ini

Oleh Nor Fazlina
Abdul Rahim
am@metro.com.my

Pasir Mas

Berlaku lambakan tembikai di Kelantan sehingga ada dalam kalangan pengusaha terpaksa menjual serendah 80 sen sekilogram.

Pengusaha tembikai mendakwa lambakan berlaku pada tahun ini disebabkan terlalu ramai yang menanam tembikai berbanding tahun lalu.

Disebabkan itu juga, pihak pemborong menawarkan harga yang murah di kebun sehingga 70 sen sekilogram bagi tembikai gred A dan tidak akan mengambil bekalan berkenaan sekiranya pengusaha menetapkan harga yang lebih tinggi.

Pengusaha tembikai dari Kampung Gual Mesra, Hasbullah Mat Yaacob, 45, berkata, jika sebelum ini pengusaha tembikai di Kelantan hanya sekitar 300 orang sahaja namun meningkat kepada sekitar 600 orang tahun ini.

"Semua mahu menanam tembikai disebabkan harga tahun lalu yang paling tinggi sehingga RM4 sekilogram.

"Namun sebaliknya yang berlaku tahun ini apabila terlalu ramai yang menanam sehingga tidak tahu mahu menjual tembikai ke mana.

"Bayangkan situasi yang

“Semua mahu tanam tembikai disebabkan harga paling tinggi RM4 sekilogram”
Hasbullah



PEKERJA menyusun buah tembikai untuk dijual kepada pemborong ketika tinjauan di Kampung Gual Mesra. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

berlaku kini semua pengusaha berebut menjual harga yang rendah kerana mahu menghabiskan bekalan, sekali gus menyebabkan mereka bukan sahaja tidak mendapat keuntungan, sebaliknya mengalami kerugian.

"Mereka yang mendapat

bantuan daripada pihak tertentu untuk menanam tidak mengapa namun bagi saya yang 100 peratus modal sendiri sudah tentu rasa terkesan dengan situasi ini," katanya ketika ditemui di sini.

Dia yang mengusahakan tanaman tembikai se-

jak 15 tahun lalu itu berkata, ada dalam kalangan pemborong menawarkan harga tidak masuk akal sehingga 70 sen sekilogram sahaja.

"Bayangkan harga yang ditawarkan bagi gred A hanya 70 sen sahaja di kebun sedangkan itu harga

belasan tahun lalu. Mereka tawarkan harga serendah itu disebabkan ada dalam kalangan pengusaha yang bersetuju kerana mahu menghabiskan bekalan.

"Sedangkan untuk mendapatkan semula harga modal, kami perlu men-

HASBULLAH menunjukkan buah tembikai di kebunnya ketika tinjauan di Kampung Gual Mesra.

jual sekurang-kurangnya RM1.50 bagi sekilogram untuk buah tembikai gred A. Itu belum lagi kira untung, sebaliknya hanya modal sahaja.

"Memang dukacita buat pengusaha tembikai tahun ini yang berdepan lambakan tembikai," katanya.

Seorang pengusaha tembikai, Mohd Rahimi Ibrahim turut menyifatkan ada dalam kalangan mereka terpaksa membuat lelongan buah berkenaan bagi menghabiskan bekalan berkenaan.

"Ada pemborong mahu membeli gred A sahaja manakala gred B kami terpaksa melelong kerana nak jual di Terengganu pun, di sana juga berlaku lambakan buah.

"Justeru besar harapan kami berharap pihak berwajib memberi perhatian terhadap isu ini bagi menjaga kebajikan kami," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Bernas selesai salur RM90 juta

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sudah menyalurkan keseluruhan Peruntukan Bantuan Khas Pesawah berjumlah RM90 juta kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Bernas berkata, penyaluran peruntukan itu adalah selaras dengan komitmennya dalam menyokong usaha kerajaan membela kebajikan pesawah miskin.

Katanya, peruntukan khas fasa pertama sebanyak RM60

juta disalurkan secara berperingkat kepada KPKM dan pembayaran akhir berjumlah RM15 juta selesai pada 5 Mac lalu.

“Peruntukan tambahan sebanyak RM30 juta seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Februari lalu, juga sudah selesai disalurkan kepada kerajaan pada 28 Mac lalu,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Bernas berkata, peruntukan khas tersebut merupakan wang ihsan syarikat

BE dan bukannya dana awam.

“Justeru, ia tertakluk kepada tadbir urus kewangan korporat yang ketat dan pematuhan kewangan dalaman untuk kelulusan sebelum dapat disalurkan kepada kerajaan.

“Syarikat ini kekal komited terhadap pelan tindakan jangka panjang KPKM dengan mengutamakan kebajikan pesawah bagi menjamin ketersediaan produk dan mendokong agenda keterjaminan makanan negara,” katanya.